


KERTAS 1 Bulatkan jawapan yang betul.

1. Rajah 1 menunjukkan pengelasan bahan buangan.

Kumpulan X	Kumpulan Y
Sampah-sampah kertas	

Rajah 1

Antara yang berikut, yang manakah boleh dikelaskan dalam kumpulan X dan Y?

	X	Y
A	Tin susu	Cermin
B	Kotak	Pembungkus makanan
C	Sisa tulang	Tin susu
D	Majalah	Asap kenderaan

2. Antara berikut yang manakah bahan buangan yang dikategorikan sebagai sisa toksik?

- A Kulit buah-buahan
- B Botol aerosol
- C Besi buruk
- D Tinja

3. Rajah 2 menunjukkan satu simbol pada satu bekas.



Rajah 2

Apakah maksud simbol tersebut?

- A Mudah terbakar
- B Mengandungi mikroorganisma berbahaya
- C Mengandungi bahan beracun dan menyebabkan jangkitan
- D Mengandungi bahan buangan berasid dan boleh mengakis kulit dan logam

4. Antara berikut, yang manakah merupakan bahan buangan terbiodegrasasikan?

A



B



C



D



5. Rajah 3 menunjukkan bahan buangan dalam tong kitar semula.




Rajah 3

Antara yang berikut, apakah warna tong kitar semula mengikut bahan buangan yang ditunjukkan?

- A Biru
- B Hijau
- C Jingga
- D Perang

6. Rajah 4 menunjukkan pengelasan bahan buangan.




Rajah 4

Antara berikut, yang manakah mewakili L dan M?

	L	M
A	Polistirena	Tayar
B	Kayu	Kulit buahan
C	Sudu besi	Sayuran
D	Sisa makanan	Aluminium

7. Rajah 5 menunjukkan sejenis bahan buangan.




Rajah 5

Antara berikut, yang manakah boleh dikelaskan dalam kumpulan yang sama dengan bahan buangan di atas?

- A Surat khabar
- B Ranting kayu
- C Sisa makanan
- D Semburan racun makhluk perosak

8. Rajah 6 menunjukkan sejenis bahan buangan.




Rajah 6

Apakah cara terbaik menguruskan bahan buangan di atas?

- A Membuang ke dalam sungai
- B Membuang di tempat pembuangan sampah
- C Dibakar dalam insinerator
- D Mengumpul dalam bekas khas untuk dilupuskan

9. Rajah 7 menunjukkan cara membuang bahan buangan yang dilakukan oleh sebuah kilang.




Rajah 7

Apakah kesan daripada aktiviti di atas?

- A Pembiakan nyamuk aedes
- B Hidupan akuatik mati
- C Sungai tersumbat
- D Banjir kilat

10. Rajah 8 berikut merupakan bahan buangan yang telah dikumpul oleh Aiman.



Rajah 8

Antara berikut, apakah cara yang terbaik untuk menguruskan bahan buangan tersebut?

- A Mengasingkan setiap bahan buangan mengikut jenis untuk dikitar semula
 - B Membakar bahan buangan dalam insinerator dan dilupuskan
 - C Melonggokkan bahan buangan di tempat pelupusan sampah
 - D Menanam bahan buangan di dalam tanah
11. Rajah 9 menunjukkan bahan buangan yang terbiodegradasikan.



Rajah 9

Apakah kebaikan pereputan bahan buangan terbiodegradasikan?

- A Memberikan nutrien kepada tanah
- B Menambah kandungan oksigen di dalam tanah
- C Mengeluarkan sisa toksik di dalam tanah
- D Mengelakkan pencemaran air dan udara

12. Rajah 10 menunjukkan satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab.



Rajah 10

Apakah kesan yang akan berlaku jika perbuatan tersebut dilakukan secara berterusan?

- A Berlakunya banjir kilat
 - B Menyebabkan pencemaran udara
 - C Menyebarkan penyakit berjangkit
 - D Penggunaan beg plastik akan meningkat
13. Majlis perbandaran mendapati banyak hidupan akuatik di sungai X mati. Apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak yang berkuasa?
- A Membuat pemeriksaan terhadap kilang-kilang di tepi sungai X
 - B Mendenda penduduk di sekitar sungai X
 - C Membuat gotong-royong di kalangan penduduk di kawasan sungai X untuk mengutip sampah
 - D Mendirikan pos-pos pengawal di tepi sungai X untuk mengawal aktiviti pembuangan sampah di kawasan tersebut
14. Rajah 11 menunjukkan Puan Rusmini sedang membeli belah di sebuah pasar raya.



Rajah 11

Apakah langkah yang telah diambil oleh Puan Rusmini untuk mengurangkan penggunaan beg plastik?

- A Membawa bakul dari rumah
- B Membeli sedikit barangan sahaja
- C Memilih barangan tempatan sahaja
- D Menggunakan beg plastik yang kecil sahaja

15. Antara aktiviti berikut, yang manakah merupakan amalan mengitar semula?

- A Menggunakan botol plastik terpakai untuk menanam pokok bunga
- B Membawa beg plastik dari rumah untuk membeli belah di pasaraya
- C Bahan buangan kaca diproses untuk menjadi produk kaca yang baharu
- D Menanam sisa makanan untuk dijadikan baja kompos

16. Apakah yang dimaksudkan dengan bahan buangan?

- A Bahan yang berbau busuk
- B Bahan yang tiada kegunaannya lagi
- C Bahan yang boleh terbiodegradasikan
- D Bahan yang tidak diperlukan lagi dan tidak mahu disimpan

17. Kawasan kilang di Bandar X dilarang daripada mengalirkan sisa buangan kilang ke dalam sungai.


Apakah yang akan berlaku jika peraturan di atas tidak dipatuhi?

- A Penyebaran virus
- B Longkang akan tersumbat
- C Hidupan akuatik akan terjejas
- D Haiwan perosak membiak dengan cepat

18. Apakah yang dimaksudkan dengan "Bahan buangan tidak terbiodegradasikan"?

- A Bahan buangan yang boleh direputkan oleh mikroorganisma
- B Bahan buangan yang boleh kembali menjadi nutrien di dalam tanah
- C Bahan buangan yang tidak boleh direputkan oleh mikroorganisma
- D Bahan buangan yang boleh dikitar semula untuk dijadikan produk baharu

19. Rajah I3 menunjukkan keadaan di sebuah bandar apabila berlaku hujan lebat selama satu jam.



Rajah I3

Tindakan manakah yang boleh diambil untuk mengelakkan peristiwa ini berlaku?

- A Melebarkan jalan raya
- B Menebang pokok-pokok berhampiran
- C Menguatkuasakan undang-undang pembuangan sampah
- D Membina bangunan yang lebih tinggi

20. Apakah bahan buangan yang boleh dimasukkan ke dalam tong kitar semula bewarna perang?

- A Botol kaca
- B Surat khabar
- C Besi buruk
- D Pembungkus makanan plastik